

kuantiti sementara, dan melaras Harga Kontrak serta pelarasan-pelarasan lain yang diperlukan di bawah Kontrak dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan dari tarikh perakuan siap kerja dikeluarkan.

- 16.5.2 Akaun Muktamad mesti disediakan secepat mungkin setelah Kontraktor menunaikan obligasinya di bawah Kontrak termasuk membaiki kecacatan dan setelah tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan yang Kontraktor layak di bawah Kontrak telah diperakukan. Untuk tujuan membuat bayaran muktamad kepada Kontraktor, Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, Borang JKR 66A (rujuk Lampiran 16E) mesti disediakan dan dikeluarkan.<sup>5</sup>
- 16.5.3 Peraturan dan prosedur dalam penyediaan dan pengeluaran Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad adalah seperti berikut:
- (a) Mengikut syarat-syarat kontrak, Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad disedia dan dikeluarkan tidak lewat dari tiga (3) bulan selepas tamat tempoh Liabiliti Kecacatan, atau tiga (3) bulan selepas dikeluarkan Perakuan Siap Membaiki kecacatan mengikut mana yang terkemudian. Walau bagaimanapun mengikut Surat Arahan KPKR, Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tidak lewat dari enam (6) bulan selepas tarikh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.<sup>6</sup>
  - (b) Nilai kerja muktamad yang dilaksanakan dan bahan-bahan atau barang-barang yang dibekal oleh Subkontraktor dan Pembekal Dinamakan dan Pemegang Serah Hak hendaklah dinyatakan secara berasingan dengan menggunakan Lampiran A kepada Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (Borang JKR 66A)
  - (c) Akaun Muktamad mesti mengambilkira perkara-perkara berikut:-
    - (i) Semua Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak – untuk perubahan, tuntutan Kontraktor dan pelarasan-pelarasan lain (rujuk perenggan 16.4.).

---

<sup>5</sup> Surat Arahan KPKR Bil. (18) dlm. JKR.KPKR 020.050/3 Klt. 3 bertarikh 3.11.1999 - Menyelesaikan Pembayaran Ke Atas Kerja-kerja Perubahan dan Perakuan Muktamad

<sup>6</sup> Surat Arahan KPKR bil.(6)dlm.JKR.KPKR. 020.050/3 Klt.4 bertarikh 20.9.2000.- Penyediaan dan Kelulusan Perakuan Muktamad